

Saman: Ahmad Zahid, Tun M bincang cari penyelesaian

Oleh **SUWARNI MOKHTAR**
utusannews@medlamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad akan duduk bertemu empat mata untuk mencari jalan penyelesaian dalam dua kes saman mereka melalui proses mediasi.

Perkara itu dimaklumkan oleh peguam, Shahrul Fazli Kamarulzaman yang mewakili Ahmad Zahid sewaktu dihubungi media selepas tamat prosiding pengurusan kes itu di Mahkamah Tinggi di sini, semalam.

Prosiding dijalankan secara dalam talian di hadapan Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi Nor Afidah Idris yang turut disertai peguam, Mior Nor Haidir Suhaimi yang mewakili Dr. Mahathir.

"Mahkamah menetapkan pengurusan kes pada 14 Julai 2023 secara dalam talian untuk mengetahui status mediasi itu,"

Ahmad Zahid saman Tun M

Oleh NORLIZAH ABAS

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi memfailkan saman fitnah terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad berhubung dakwaan beliau meminta bekas Perdana Menteri itu mencampuri urusan kes yang sedang dihadapinya di mahkamah.

Ahmad Zahid, 69, selaku plaintif memfailkan saman itu menerusi Tetuan Shahrul Hamidi & Haziq di Mahkamah Tinggi di sini minggu lalu dengan menamakan Dr. Mahathir, 97, sebagai defendan tunggal manakala notis tuntutan dihantar pada 25 April lalu.

Berdasarkan pernyataan tuntutan yang diperolehi menerusi carian sistem mahkamah, Ahmad Zahid Hamidi memfailkan saman fitnah terhadap Tun Dr. Mahathir mengeluarkan ke-



AHMAD ZAHID HAMIDI

DR. MAHATHIR MOHAMAD

langsung di Youtube Astro Awani.

Rakaman kenyataan palsu defendan itu, katanya, diterbitkan oleh pelbagai portal berita antaranya *TikTok*, *MalaysiaGazette*, *TV*, *Malaysia Now* dan *The Malaysian Reserve*.

Dakwa plaintif, setakat tarikh writ saman dan pernyataan tuntutan itu difailkan, rakaman video majlis tersebut mendapat jumlah tontonan sebanyak 23,443 kali dengan akaun Youtube Astro Awani mempunyai 1.44 juta pelanggan.

Kenyataan itu jelas mem-

UTUSAN Malaysia

28 April 2022.

Negeri Johor Ke-15 di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya
Ujar Ahmad Zahid, Dr. Mahathir memfitnahnya pernah

kata Shahrul Fazli.

Sementara itu, Mior Nor Haidir ketika dihubungi mengesahkan perkara tersebut.

"Arahan mahkamah adalah pihak-pihak berbincang untuk kedua-dua kes tersebut. Jika tidak (ada penyelesaian), kes akan diteruskan untuk perbicaraan seperti yang telah ditetapkan sebelum ini," katanya.

Pada April 2022, Ahmad Zahid memfailkan saman fitnah terhadap Dr. Mahathir atas dak-

waan bekas Ahli Parlimen Langkawi itu telah memfitnahnya pada Majlis Pelancaran Aspirasi Parti Pejuang (PEJUANG) sempena Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor ke-15 di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya pada 23 Februari 2022.

Kata Ahmad Zahid, Dr. Mahathir memfitnah bahawa Ahli Parlimen Bagan Datuk itu pernah hadir di rumahnya bersama beberapa individu lain bagi mendapatkan bantuan untuk

menyelesaikan kes mahkamah yang dihadapinya.

Kes itu ditetapkan untuk perbicaraan bermula 6 hingga 9 November ini.

Sementara itu, Dr. Mahathir memfailkan saman terhadap Ahmad Zahid pada 20 Julai 2022 berhubung isu 'Kutty'.

Bekas Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) itu mendakwa Ahmad Zahid telah mengeluarkan kenyataan palsu, berbaur fitnah dan berniat jahat dengan sengaja merujuk terus kepada dirinya ketika Mesyuarat UMNO Bahagian Kelana Jaya pada 30 Julai 2017.

Ahmad Zahid didakwa berniat jahat dengan mengeluarkan kenyataan fitnah mendedahkannya kepada rasa tidak puas hati dan dibenci masyarakat sehingga menyebabkan kedudukannya sebagai seorang negarawan dan tokoh politik yang berpengaruh di mata dunia dipandang serong.

Kes itu ditetapkan untuk perbicaraan selama empat hari bermula 11 September ini.